

sepanjang jalan pulang

Walaupun kita mengembara ke seluruh dunia untuk mencari keindahan, kita harus membawa keindahan itu dalam diri kita; sekiranya tidak, kita pasti tidak akan menjumpainya...

Wednesday June 30, 2010

Sejarah Kuantan (5) : Kemudahan Pendidikan



Perkembangan sistem pendidikan di Kuantan pada peringkat awal (zaman sebelum perang) tidaklah semaju di daerah Bentong dan Kuala Lipis. Hal ini demikian kerana kesulitan sistem perhubungan telah mempengaruhi kemudahan pendidikan, di samping pembangunan ekonomi yang kurang, taburan penduduk tidak sekata dan komposisi etnik.

Pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 wujud syarikat-syarikat Eropah yang mengusahakan ladang getah, perlombongan dan sebagainya. Oleh itu, orang-orang Cina telah menduduki kawasan bijih timah di Sungai Lembing dan Gambang. Di sinilah antara sekolah yang terawal dibina terutama sekolah Cina.

Sekolah Melayu yang awal pula dibina di bandar Kuantan iaitu kira-kira penghujung tahun 1890-an. Tarikh yang diketahui berkenaan sekolah ini ialah 1904 / 1905 apabila sekolah tersebut dipindahkan ke tapak asalnya di sudut tapak pasar lama yang berhampiran dengan Jalan Lebai Ali ke tapak barunya di Padang Lalang. Ketika itu sekolah ini bernama Sekolah Melayu Padang Lalang.

Selepas 1903 hingga pendudukan Jepun, 8 buah lagi sekolah didirikan. Dalam tahun 1930 murid-murid lelaki di Sekolah Padang Lalang dipindahkan ke Sekolah Melayu Laki-laki Teruntum, Jalan Gambut dan Sekolah Padang Lalang menjadi sekolah Melayu Perempuan (Tahun 1948 sekolah ini mendapat bangunan barunya di Sekolah Perempuan Galing). Antara tahun-tahun 1945 - 1947, Sekolah Kebangsaan yang didirikan ialah SK Galing (1948), SK Jabor (1950), SK Sungai Ular (1951) dan SK Cherating (1952).

Di bawah kerajaan Inggeris hanya sebuah sekolah Inggeris dibina dalam tahun 1920. Muridnya hanya 10 orang dengan menggunakan Gudang Padi Kerajaan di Jalan Wall. Hanya dalam tahun 1924 dipindahkan ke Jalan Wong Ah Jang dan dinamakan Sekolah Sultan Abdullah. Lain-lain sekolah Inggeris yang awal dibuka oleh mubaligh Kristian ialah Sekolah Perempuan Methodist (1938), Sekolah St. Thomas (1950) dan Sekolah Rendah Asunta Convent (1956).

Asas sekolah Rendah Asunta ini bermula dari kelas tadika yang diajar secara terbuka di sebuah rumah kepunyaan Fr Gullitat yang dibina atas tanah kepunyaan taukey Chan Loon yang terletak di Jalan Gambut Kuantan. Pengendaliannya di bawah kumpulan mubaligh Kristian Franciscan Sister of Mary. Tarikh penubuhan tadika ini ialah pada 3 Oktober 1955 dengan jumlah murid seramai 23 orang yang diajar oleh dua orang guru yang dibawa khas dari Singapura.

Selepas itu, kerajaan memutuskan untuk menukar pusat pentadbiran negeri dari Kuala Lipis ke Kuantan. Hasil daripada penukaran tersebut kerajaan telah memutuskan untuk mendirikan sekolah terkemuka di Kuantan yang dapat menyediakan pelajaran menengah Inggeris yang menekankan semua kemudahan termasuk asrama bagi murid-murid luar bandar.

Wujudlah Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar (SABS) yang dibuka pada tahun 1957 yang menjadi salah sebuah sekolah terkemuka di Pahang dan kemudiannya dapat mengatasi Sekolah Menengah Clifford di Kuala Lipis. Dalam tahun 1963, Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib (SMART) pula telah dibuka di samping Sekolah Menengah Alor Akar, Sekolah Menengah Sungai Lembing dan Sekolah Menengah Ubai yang masing-masing dibina pada tahun 1965.

Pendidikan di Kuantan terus berkembang dan menjadi berambah penting selaras dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menekankan sekolah aliran sains, teknik dan vokasional. Muncullah

About Me



roshanilawatey

seorang pendidik biasa yang ingin membawa anak didiknya menggapai kejayaan yang luar biasa...

[View my complete profile](#)

Blog Archive

- 2019 (16)
- 2018 (44)
- 2017 (26)
- 2016 (5)
- 2015 (8)
- 2014 (38)
- 2013 (46)
- 2012 (66)
- 2011 (110)
- ▼ 2010 (161)
 - December 2010 (13)
 - November 2010 (20)
 - October 2010 (26)
 - September 2010 (12)
 - August 2010 (9)
 - July 2010 (16)
- ▼ June 2010 (30)
 - Sejarah Kuantan (5) : Kemudahan Pendidikan
 - Sejarah Kuantan (4) : Sistem Perhubungan & Pengang...
 - Sejarah Kuantan (3) : Pemodenan dan Perubahan Dasa...
 - Sejarah Kuantan (2) : Pusat Pengumpulan Hasil Biji...
 - Sejarah Kuantan (1) : Jom Hebohan...
 - Gaza child talking about his life-English subtitle...
 - Corat-corat SUKAN sekolah...
 - renungan
 - ABE & Piala Dunia FIFA 1986
 - Di Padang Ilmu...
 - SELAMAT HARI BAPA
 - Temu Janji yang Tertangguh
 - Ceritera Klate (2) : nama negeri...
 - Ceritera Klate (1) : Umum
 - JEJAK SAHABAT (1)
 - Tukang Cerita @ Bari
 - Muslim Bekwoh Nikah Kahwin
 - SELAMAT HARI LAHIR
 - Zubir Ali - Balada Seorang Gadis Kecil

sekolah-sekolah vokasional, Sekolah Menengah Teknik dan Maktab Perguruan. Kepesatan yang sedemikian rupa bermakna Kerajaan terpaksa menyediakan pelbagai prasarana bagi menampung keperluannya yang berkaitan dengan pelajaran, pertambahan bilangan murid dan kakinangannya.

PENUTUP

Semenjak dari pembukaannya yang bermula pada tahun 1950 hingga ke tahun 1970, Kuantan terus membangun walaupun pada peringkat awal perkembangannya agak perlahan. Seperti juga di tempat-tempat lain, Kuantan mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Bertolak daripada hanya sebuah penempatan kecil sehingga menjadi tempat tumpuan pedagang-pedangang dan akhirnya menjadi ibu negeri, kadar pembangunannya adalah berbeza-beza. Kepesatannya jelas selepas Kuantan dijadikan ibu negeri, yang mana struktur pembangunannya yang lebih sistematik telah menjadikan Kuantan sebuah bandar yang moden. Sekarang, Kuantan terkenal bukan sahaja sebagai bandar utama di negeri Pahang tetapi juga sebagai pusat pelancongan dan pintu masuk ke pantai timur.

Foto : Sekolah Perempuan Methodist (1940)...

at June 30, 2010 

Labels: [santai](#), [sejarah](#), [syukur](#)

1 comment:



PDA said...

Terima kasih membaca tulisan sejarah pembukaan Kuantan ini yang saya tulis pada Tahun 1987 semasa saya berkhidmat di MPK dahulu. Semoga ia memberikan banyak manfaat kepada generasi Kuantan. Banyak gambar2 lama yang saya kumpulkan dari pelbagai sumber yang tanpa usaha ini mungkin sudah tiada kini

February 20, 2016 at 2:45 PM

[Post a Comment](#)

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)

[Lambaian Afrika Selatan 2010...](#)

[TALI AIR & KENANGAN](#)

[KEWAJIPAN @
TANGGUNGJAWAB...?](#)

[JEJAK BERTAPAK](#)

[Kisah Di sebalik RP KEMUBU](#)

[Nostalgia Musim Cuti Sekolah](#)

[Pasti Menjadi Kenangan : Dataran &
Menara ...](#)

[Sepanjang Jalan Kenangan : Kereta
Lembu, Cahaya &...](#)

[Sepanjang Jalan Kenangan : Padang
Pahlawan dan Mem...](#)

[Menjejak Warisan Sejarah \(3\) : Bukit
Cina & Puteri...](#)

[Menjejak Warisan Sejarah \(2\) : Banda
Kaba](#)

► [May 2010 \(12\)](#)

► [April 2010 \(2\)](#)

► [March 2010 \(3\)](#)

► [February 2010 \(8\)](#)

► [January 2010 \(10\)](#)

► [2009 \(127\)](#)

Labels

- sy ukur
- santai
- family
- nostalgia
- muhasabah
- sekolah
- sahabat
- warisan
- umrah
- doa
- sejarah
- ilmu
- madinah
- tanggungjawab
- iktibar
- Makkah
- smktp
- cuti
- famili
- Haji
- bahasa
- makanan
- Jengka
- tokoh
- tugas
- Hannan
- SRJK (I) Kota
- cucunda
- kesihatan
- aktiviti
- lawatan
- leluhur
- masakan
- peperiksaan
- permainan
- rindu
- ulang tahun
- RIADAH
- reunion
- PT3
- SPM

- bekwoh
- buah nadir
- d'LA vender
- elit
- hijrah
- hobi
- kembara
- nadir
- raya
- sukan
- tumbuhan
- 1M
- HM Said
- MOTIVASI
- SIC
- banjir
- belangsungkawa
- berguru
- bersara
- flora
- kerja
- klinik salsabila
- majlis
- perkahwinan
- persaraan
- pk62
- september
- sy awal
- tengkujuh
- teratak bonda

Report Abuse

Facebook Badge

La Roshanilawatey




Create Your Badge

Kita Semua Pasti Pulang...

*"Setiap insan akan melalui perjalanan yang panjang. Bermula dan berakhir - pulang ke tempat asal. **Sepanjang jalan pulang**, pasti kita akan bertemu dengan 1001 cabaran. Ia memberi pengalaman dan menjadi kenangan sepanjang hayat.*

*Semuanya kita kendong walau dalam susah atau senang. Kita pasti pulang. **Sepanjang jalan pulang**, bawalah bekalan secukupnya, demi kesejahteraan yang abadi..."*

Followers

Followers (32) [Next](#)**FAMILI****[vaFdSmKaD's jOuRnEyZv](#)**

Memories

1 year ago

[see from my eyes.....](#)

Papa We Love You

3 years ago

**Her Love, Life and everything else
in between...**Harga Laptop Compaq Terbaru Semua
Seri
4 years ago**[Let's Blow This Top](#)**

With Knowledge, We Serve

7 years ago

[~Biru Ungu Perjalanan~](#)

Khabar tentang teman

10 years ago

[Show All](#)**Blog SMKTP****[Kelip-kelip kehidupan...](#)**KOREA SOUVENIR : KEY CHAIN &
NAIL CLIP

1 week ago

[LAMAN BAHASA MELAYU](#)SMJK TANAH PUTEH - Majlis
Apresiasi Pelajar Cemerlang &
Perayaan Pesta T...
1 year ago**[Latihan Dalam Perkhidmatan SMK](#)**Tanah Putih
CARTA ORGANISASI LADAP SMKTP
2014
5 years ago**[KURIKULUM SMK TANAH PUTIH](#)**HeadCount
6 years ago**[SMK Tanah Putih](#)**Larian 1 Murid 1 Sukan
9 years ago[Show All](#)**Alma Mater****[Sultan Ismail College](#)**POTRET KEJAYAAN - PASUKAN
HOKI
6 months ago**Rakan Bahasa****[BAHASA ITU INDAH](#)**Puisi Pilihan : KEINSAFAN
2 months ago**[WADAH KETERAMPILAN](#)**BERBHASA
TEMPAHAN PROGRAM
JERAYAWARA BAHASA 2018
2 years ago**[suara dan jiwa fariza nurbaya](#)**

Panduan untuk ibu bapa...
2 years ago

e Program Intervensi

SELAMAT MENDUDUKI SPM
PESANAN JURULATIH UTAMA
PERHATI
3 years ago

e SELAMAT DATANG

4 years ago

e Kembara Bahasa

Kenangan Silam: Lempeng
6 years ago

e indahnya bahasa kita....

Makna Perkataan : Hubungan di antara Perkataan dan Benda
9 years ago

Saujana > Home

w Kehidupan Ringkas tapi Signifikan

Halaman Utama

Show All

Rakan Taulan

e .

Mengapa Hishamuddin Rais dengan Anwar? - *CATATAN* *(Bahagian Pertama)* *Ketika bertemu Hishamuddin di Lumut Perakmasa road show Mahathir jelang Piraum 2018.* SEPERTI mana dijanjikan lewat satu s...
6 hours ago

e Aku Iah Jentayu itu.



Ian - Budak ni Ada saji tempat pelik dia nak duduk. Cari pasal sungguh. Nakal tu dah tak leh nak bawa bincang dah. Tapi kann... Sekali dia senyum, cair hab...
17 hours ago

e manlaksam....setalam batu seraup emas



Hari Ray a Yang Paling Sunyi Sepanjang Hidup Say a. -

<https://www.youtube.com/watch?v=iZDAcx7zrk> Mari Beraya Bersama Sayah Hari Raya pada tahun 2020 akan dikenang sebagai Hari Ray a yang paling pelik sepanjang h...
1 month ago

e NGINAP-SRENGENGE----hello !

pak cha & mak wan of banggol derdap SIK
BAYAN STAYATHOME21.4.20 (6 ptg) - BAYAN STAYATHOME.....21.4.20 (6 ptg) Dengan nama Allah 99 semuanya Assalamulalaikom.....selawat dan salam atas Nabi saw Tok kita Nabi Adam as apabila tu...
3 months ago

e ! Aiyang Disayang !



TUDUNG DENIM
IRONLESS NARINA - Tudung Tahan Lasak dan IRONLESS. Siapa tak suka kan? Tudung yang jimat masa untuk bersiap, malah senang untuk dijaga! Paling comel kemasan jahitan kerin...
6 months ago

e JENDELA HATI

AKU MELIHAT PADA UMURKU 55 -

LETRIK DAN AIR - Elektrik masuk ke rumah kami pada tahun 1978, ketika kami berada di Tingkatan Satu, Maktab Mahmud. Ia menjadi agenda politik yang panjang. Pada kempeta pilih...
7 months ago

RIDHUAN TEE
Kongres Cina: Berani kata tak serang kaum lain? Kepala bapak kau! - *Kongres Cina: Berani kata tak serang kaum lain? Kepala bapak kau!* *Jika saya ada kuasa, sudah lama saya tarik kerakyatan pengkhianat ini* *JADILAH Cina ...
7 months ago

Haji Muda
~Meniti Renjisan Kedamaian~
 Brunei Darussalam
27-30 Ogos 2019 -
Alhamdulillah meneruskan agenda hidup dengan mengisi jemputan sebagai Visiting Academic Dari 27-30 Ogos 2019.
11 months ago

Sebelum Aku Mati
-
1 year ago

WHOLESALE N RETAIL
 CADAR MURAH -
SET CADAR + COMFORTER TEBAL
RM95 FREE POS SEMENANJUNG RM115.00 SABAH SARAWAK ✓1 SET 6 PCS ✓1 COMFORTER TEBAL ✓2 SARUNG BANTAL ✓2 SARUNG BANTAL PELUK ✓1...
2 years ago

Show All

ABADI DALAM DIRI



Papa & Mama



sentiasa di hati



Aidiladha 1995



kenangan 2.9.11

Kenangan di Bumi Anbia'



Search This Blog

- Home

**Tim un Betik Menggamit
Kenangan**

**Popular Posts****Timun Betik Menggamt Kéngangan**

Tengah hari
Sabtu baru ni,
Kakanda
Roslena hantar
mesej dalam
grup SIBLINGS,
"kalau nak
makan timun
betik, datang ke
rumah
Bonda&q...

**Gagang atau Ganggang...?**

Kedua-dua
perkataan ini
mempunyai
makna yang
berbeza.
Disebabkan oleh
bunyinya yang
hampir sama
atau kerana
kurang tahu
akan makna
perkat...

**Singkong dan nostalgia ubi kayu....**

Kalau di
Seberang Selat
Melaka jenis
makanan ini
dikenali sebagai
singkong, sama
ada singkong
rebus ataupun
singkong
goreng, tetapi di
sini...

Simple theme. Theme images by [Nikada](#). Powered by [Blogger](#).